

## **KAEDAH ORANG YANG MENDAKWA MESTILAH MENDATANGKAN KETERANGAN MANAKALA BAGI YANG DIDAKWA MESTILAH BERSUMPAH**

**MUHAMMAD YOSEF NITEH**

Lecturer at Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor,  
myosef@kuis.edu.my

**AHMAD BIN MUHAMMAD HUSNI**

Lecturer at Department of Fiqh & usul al-Fiqh. Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge &  
Human Sciences, (KIRKHS) International Islamic University Malaysia.

[ahmedking25@gmail.com](mailto:ahmedking25@gmail.com) & [ahmedking@iium.edu.my](mailto:ahmedking@iium.edu.my)

**AMIN BIN MUHAMMAD HUSNI**

Lecturer at Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor, Darul Ehsan,  
Malaysia.

**ZAINUDDIN BIN CHE SEMAN**

Lecturer Universiti Islam Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
zainuddin@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Islam adalah agama yang mementingkan keadilan. Keadilan itu dapat dilihat dalam banyak keadaan antaranya ialah dalam sistem perundangan Islam. Di dalam undang-undang jenayah Islam terdapat beberapa kaedah yang diguna pakai oleh hakim untuk mensabitkan kesalahan jenayah. Salah satu kaedah yang digunakan ialah “البينة على المدعي واليمين على من أنكر”. Maksud al-bayyinah (keterangan) dalam kaedah ini membawa pengertian yang umum tanpa dapat difahami bentuk keterangan yang dikehendaki mahkamah. Maka artikel ini membincangkan mengenai bentuk keterangan yang digunakan untuk mensabitkan kesalahan jenayah dan kaedah fiqh “al-Bayyinah ala Mudda’i wal Yamin ala man Ankara”, (orang yang mendakwa mestilah mendatangkan keterangan manakala bagi yang didakwa mestilah besumpah). Kajian ini menumpukan rujukan daripada kitab fiqh, qawaid fiqhhiyah, buku undang-undang keterangan Islam serta melihat beberapa kes yang berkaitan dengan kaedah. Hasil daripada kajian ini kita dapat memahami konsep kaedah ini dan pengaplikasiannya menurut perundangan Islam

*Kata kunci: perundangan Islam, mahkamah, hakim, al-bayyinah, al-yamin.*

### **PENDAHULUAN**

Salah satu kaedah yang digunakan didalam sistem undang-undang Islam untuk mensabitkan kesalahan ialah kaedah “البينة على المدعي واليمين على من أنكر” yang bermaksud orang yang mendakwa mestilah mendatangkan keterangan manakala bagi yang didakwa mestilah besumpah. Secara umum penulisan ini akan membincangkan tentang tiga perkara utama iaitu pada bahagian pertama akan dibincangkan mengenai definisi al-Bayyinah, keterangan dan pembahagiannya. Pada bahagian kedua akan dibincangkan tentang penerangan mengenai kaedah. Pada bahagian

---

<sup>1</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqa’. Syarah Qawaid Fiqhiyyah. 1989M/1409H. Hlm. 369.

ketiga akan membincangkan beberapa contoh kes klasik dan kontemporari yang berkait dengan kaedah ini.

Penulisan ini bertujuan untuk mengkaji tentang kaedah “البينة على المدعي واليمين على من أنكر” secara umum. Yang dimaksudkan dengan al-Bayyinah ialah keterangan ataupun pembuktian daripada al-Mudda’i iaitu orang yang mendakwa. Manakala al-Yamin pula ialah sumpah; iaitu sumpah daripada al-Mudda’a alaih atau Man Ankara yang bermaksud pihak yang didakwa (tertuduh) atau yang mengingkari dakwaan. Hasil daripada penulisan ini akan dapat memahami maksud kaedah ini. Setiap individu dalam masyarakat Islam berperanan untuk melaksanakan undang-undang Islam. Wujudnya kaedah ini adaah selari dengan kehendak Islam untuk melaksanakan keadilan dikalangan umatnya.

## **Al-Bayyinah (Keterangan)**

### **Definisi al-Bayyinah**

Dari segi bahasa al-Bayyinah bermaksud “keterangan dan pendedahan”<sup>2</sup>. Manakala dari segi istilah pula bermaksud “penunjuk fikiran yang jelas atau boleh dilihat”<sup>3</sup>. Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji mengatakan bahawa “menurut syarak, bukti (bayyinah) merujuk kepada saksi. Mereka dinamakan sebagai bukti atau bayyinah kerana kebenaran menjadi jelas dan nyata melalui mereka”<sup>4</sup>. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah al-Bayyinah adalah “apa yang menjelaskan dakwaan dihadapan hakim”<sup>5</sup>.

Menurut Mahmud Saedon yang memetik kata-kata Ibn Qayyim al-Jauziyyah, “al-Bayyinah merangkumi semua jenis keterangan dalam Islam samaada yang disepakati oleh ulama; seperti ikrar, sumpah dan kesaksian dan yang tidak disepakati oleh mereka; seperti *ilmu al-qadi*, *radd al-yamin*, *nukul al-yamin*, *khavar ahad*, *khavar al-istifadah*, *khavar mutawatir*, *firasah* dan seterusnya”. “Adalah jelas, bagi Ibn Qayyim apa-apa sahaja yang boleh membantu dan menerangkan atau menjelaskan sesuatu hak, perkara atau kepentingan yang menjadi pertikaian maka ia adalah bayyinah yang boleh dikemukakan untuk pertimbangan mahkamah”. (Mahmud Saedon 1990).

Menurut Mahmud Saedon lagi, “kaedah am dalam Islam ialah keterangan atau kesaksian terhadap sesuatu kes hendaklah ditunaikan atau diberi oleh seseorang apabila diminta. Kewajipan memberikan keterangan atau kesaksian ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran”<sup>6</sup>.  
Firman Allah s.w.t.:

---

<sup>2</sup> Ahmad b. Muhammad b. Ali al-Fayyumi al-Muqri. Misbah al-Munir. 1987M/770H. Hlm. 27.

<sup>3</sup> Abu al-Qasim al-Hassan b. Muhammad al-Raghib al-Asfahany. Mufradat fi Gharib al-Quran. t.th. Hlm. 88.

<sup>4</sup> Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji. Fiqh Manhaji. 2010M. Hlm. 2037.

<sup>5</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. Turuq al-Hukmiyah. 1428H. Hlm. 26.

<sup>6</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 12.

”يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلَّوْا أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا“<sup>7</sup>

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

### Dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah

Firman Allah s.w.t.:

”وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ“<sup>8</sup>

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

”عن عليّ قال : بعثني رسولُ الله إلى اليمن قاضياً ، فقلت : يا رسولَ الله ، تُرسلني وأنا حديثُ السننِ ولا علمَ لي بالقضاء؟ فقال : ((إنَّ الله عز وجلّ سيهدي قلبك ويثبت لسانك ، فإذا جَلَسَ بينَ يديك الخصمان ، فلا تقصينَ حتى تسمعَ من الآخر كما سمعتَ من الأول ، فإنه أحرى أن يبينَ لك القضاء)) قال : فما زلتُ قاضياً ، أو ما شككتُ في قضاء بعض“<sup>9</sup>.

Maksudnya:

“Saidina Ali berkata: Rasulullah s.a.w. telah mengutus aku ke Yaman untuk menjadi Qadi, aku pun berkata kepada Rasulullah s.a.w. Ya Rasulullah, tuan mengutusku sedangkan aku masih muda dan tidak mengetahui tentang kehakiman? Rasulullah SAW berkata ((Sesungguhnya Allah akan memberi hidayat-Nya kepada hati engkau dan menetapkan lidahmu. Jika datang dua orang yang bertikai duduk dihadapanmu, maka janganlah engkau

<sup>7</sup> Al-Quran, Al-Nisaa' 4:135.

<sup>8</sup> Al-Quran, al-Nur 24:4.

<sup>9</sup> Abi Daud, Sunan Abi Daud, kitab al-Aqdiyah, bab kaifa al-Qada'. Jil. 5. Hlm. 434.

manjatuhkan hukuman sehingga engkau mendengar (hujah dan keterangan) pihak kedua seperti engkau mendengar pihak pertama, kerana itulah yang lebih layak dilakukan agar jelas bagimu untuk menjatuhkan hukuman)). Saidina Ali berkata, “Sejak itu aku tidak berasa sangsi dalam menjatuhkan hukuman.”

Hadis ini dengan jelas memberikan panduan kepada kita agar bersifat adil dalam mengendalikan perbicaraan; berlapang dada mendengar hujah dan keterangan pihak-pihak yang terlibat. Hukuman yang adil dan saksama tidak akan dapat ditegaskan jika keterangan dan hujah tidak dikemukakan dengan jelas atau pihak yang bertikai tidak diberi peluang yang wajar untuk membuktikan kebenarannya dan mempertahankan haknya”<sup>10</sup>.

### **Jenis-Jenis Keterangan**

Menurut Md. Saleh Haji Md beliau mengatakan, “bagi membuktikan dakwaan yang diangkat ke mahkamah dapat disempurnakan, terdapat beberapa cara yang dikenali sebagai Wasail al-Ithbat”<sup>11</sup>. Menurut Dr. Ahmad Fathi Bahansi pula, “beliau berpendapat bahawa terdapat tujuh cara yang boleh digunakan untuk membuktikan kes jenayah iaitu; *al-syahadah*, *al-iqrar*, *al-qarinah*, *al-khibrah*, *ilm al-qadhi*, *al-kitabah* dan *al-yamin*”<sup>12</sup>.

#### ***Al-Syahadah* (kesaksian):**

Menurut Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji, “keterangan saksi atau syahadah dalam bahasa Arab pada asalnya membawa maksud hadir. Dari segi bahasa ia bermaksud perkhabaran yang pasti. Dari segi syarak pula, keterangan saksi ialah memberitahu sesuatu perkara dengan lafaz yang khusus”<sup>13</sup>.

Menurut Abd Karim Zaidan, “syahadah atau kesaksian menurut istilah fuqaha ialah: “Sesuatu perkhabaran yang benar di Majlis Kehakiman dengan lafaz syahadah (menyaksi) untuk membuktikan dan mensabitkan hak keatas orang lain”<sup>14</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

”وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ“<sup>15</sup>

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya”. Menurut Abd Karim Zaidan lagi, “bagi diterima keterangan seseorang saksi adalah disyaratkan di samping syarat-syarat lain bagi kesaksian

<sup>10</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 6.

<sup>11</sup> Md. Saleh Haji Md. Pendakwaan dan Penyiasatan Konsep dan Amalan. 2003M. Hlm. 250.

<sup>12</sup> Ahmad Fathi Bahansi. Nazariyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami. 1989M/1409H. Hlm. 14.

<sup>13</sup> Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji. Fiqh Manhaji. 2010M. Hlm. 2049.

<sup>14</sup> Abd Karim Zaidan. Sistem Kehakiman Islam. 2014M. Hlm. 211.

<sup>15</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:283.

bahawa saksi itu hendaklah seseorang yang baligh, berakal, Muslim, adil, tidak ditohmah pada kesaksiannya, dapat melihat dan boleh berkata-kata”<sup>16</sup>.

Menurut Md. Saleh Haji Md yang memetik kata-kata Subhi Mahmasani, “terdapat tujuh jenis bilangan saksi iaitu:

- a. Empat orang saksi: Semua mazhab dalam Islam telah berittifaq (bersepakat) bahawa bilangan saksi dalam kes zina mesti empat orang lelaki.
- b. Tiga orang saksi: Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat bahawa mereka yang dianggap sebagai orang yang kaya mendakwa dirinya sebagai orang miskin, tidak diterima dakwaannya melainkan dibuktikan dengan tiga orang saksi.
- c. Dua orang saksi lelaki sahaja: Keterangan ini memadai untuk membuktikan lain-lain kes apabila kedua orang saksi tersebut memiliki syarat-syarat kelayakan menurut syarak.
- d. Dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua orang wanita: Ittifaq semua mazhab menerima keterangan daripada mereka ini dalam kes-kes yang melibatkan harta. Mazhab Hanafi turut menerima kesaksian ini (seorang lelaki dan dua orang wanita) dalam semua perkara sivil termasuk nikah dan cerai, tetapi tidak menerima kesaksian ini dalam perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah (jenayah hudud). Sementara mazhab Zahiri pula menerima kesaksian jenis ini bagi semua kes yang berkaitan manusia dan juga hudud kecuali zina.
- e. Kesaksian seorang lelaki dan sumpah pendakwa: Jumhur fuqaha menerima keterangan ini kecuali mazhab Hanafi, al-Awza'i dan al-Laith dan mazhab Maliki.
- f. Kesaksian wanita sahaja: Ulama besepondapat keterangan ini diterima bagi kes-kes yang pada kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh lelaki. Walaupun demikian, mereka berbeza pendapat tentang bilangan saksi wanita ini sama ada satu, dua, tiga atau empat orang wanita. Imam Malik dan satu pendapat daipada Ahmad bin Hanbal berpendapat, boleh diterima keterangan saksi dua orang wanita bersama sumpah pendakwa dalam kes mal.
- g. Kesaksian seorang lelaki: Ibn al-Qayyim sahaja yang menerima keterangan seorang lelaki yang dikenali dengan adilnya pada kes-kes selain hudud, kerana beliau berpegang dengan prinsip apa sahaja yang menjelas dan menerangkan hak, maka ianya adalah bayyinah”<sup>17</sup>.

### ***Al-Iqrar (pengakuan):***

Menurut Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji, “dalam bahasa Arab, pengakuan disebut sebagai al-iqrar, yang bermaksud penetapan. Menurut istilah syarak pula, pengakuan (al-iqrar) ialah pemberitahuan tentang sesuatu hak, dan hanya sabit pada orang yang memberitahu. Ia juga disebut sebagai iktiraf”<sup>18</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

---

<sup>16</sup> Abd Karim Zaidan. Sistem Kehakiman Islam. 2014M. Hlm. 224.

<sup>17</sup> Md. Saleh Haji Md. Pendakwaan dan Penyiasatan Konsep dan Amalan. 2003M. Hlm. 251-252.

<sup>18</sup> Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji. Fiqh Manhaji. 2010M. Hlm. 2085.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ”<sup>19</sup>

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri”.

Menurut Mahmud Saedon, “terdapat beberapa syarat umum yang wajib dipenuhi dalam ikrar sama ada yang berhubung dengan hak Allah ataupun hak manusia. Syarat orang yang berikrar ialah berakal, mumaiyiz, tiada tohmah dalam perkara yang diikrar; ikrar diberi dengan sukarela dan taat, orang yang berikrar itu diketahui dan dipastikan dan perkara yang diikrarnya itu dimaklumi”<sup>20</sup>.

### ***Al-Yamin (sumpah):***

Menurut Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji, “dalam bahasa Arab, sumpah disebut ‘yamin’ yang bermaksud tangan kanan. Perkataan ‘yamin’ atau tangan kanan ini digunakan bagi merujuk kepada sumpah kerana apabila mereka bersumpah mereka akan berpegangan tangan kanan. Sumpah menurut istilah syarak ialah memperkukuhkan sesuatu perkara yang tidak kuat jaminannya, pada masa lalu atau akan datang, untuk menafikan atau mengesahkan dengan menggunakan nama atau sifat Allah ‘Azza wa jalla”<sup>21</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

”لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ”<sup>22</sup>

Maksudnya:

“Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh”.

Menurut Mahmud Saedon, beliau menyatakan bahawa, “syarat untuk seseorang itu bersumpah mestilah seorang Islam, mukalaf, disertakan niat, sumpah dengan nama Allah, orang yang didakwa menafikan hak orang yang mendakwa, pihak yang menuntut meminta hakim memerintahkannya bersumpah, sumpah dilakukan secara peribadi, dalam kes selain hak Allah, dalam kes yang boleh diikrarkan dan pendakwa tiada keterangan yang kukuh”<sup>23</sup>.

Manakala Abd Karim Zaidan pula menyatakan, “yang kena dakwa itu tidak wajib bersumpah kecuali apabila lengkap syarat-syarat berikut:

Pertama : Yang kena dakwa telah mengingkari hak yang didakwa keatasnya.

<sup>19</sup> Al-Quran, Al-Nisaa’ 4:135.

<sup>20</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 45.

<sup>21</sup> Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali asy-Syarbaji. Fiqh Manhaji. 2010M. Hlm. 2067.

<sup>22</sup> Al-Quran, al-Maidah 5:89.

<sup>23</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 116-119.

- Kedua : Yang mendakwa menuntut yang kena dakwa itu bersumpah.  
Ketiga : Hendaklah dakwaan itu sah.  
Keempat : Hendaklah benda yang didakwa itu termasuklah dalam kes-kes yang boleh dilakukan tuntutan bersumpah”<sup>24</sup>.

Menurut Sa'id Ibrahim, “sumpah hendaklah dibuat dan dilafazkan dalam mahkamah oleh orang yang mengingkari dakwaan atau tuduhan dengan menyebut salah satu nama-nama Allah atau salah satu sifat-sifatnya. Misalnya “Wallahi” (Demi Allah), atau “War-Rahmani” (Demi Tuhan yang bersifat Maha Pemurah) dan sebagainya”<sup>25</sup>.

**Al-Qarinah (bahan bukti):**

Menurut Abd Karim Zaidan, “yang dimaksudkan dengan qarinah ialah tanda atau alamat yang dijadikan sebagai bukti wujud atau terafinya sesuatu”<sup>26</sup>. Mahmud Saedon mengatakan bahawa, “takrif yang diberi oleh Abdul Karim Zaidan ini luas dan menyeluruh, mencakupi setiap sesuatu yang boleh dijadikan bukti atau keterangan bagi memsabitkan tentang ada sesuatu atau tiada sesuatu. Ini bermakna, ada atau tiada sesuatu boleh dibuktikan melalui qarinah. Perkataan “sesuatu” yang boleh dijadikan bukti itu mempunyai pengertian umum sama ada ia boleh dilihat, dirasa, didengar, dipegang dan sebagainya”<sup>27</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

”وَاسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَْا سَيِّدَهَا لَدَى الْبَابِ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (٢٥) قَالَ هِيَ رَاوَدْتَنِي عَنْ نَفْسِي وَشَهِدْتُ شَاهِدًا مِنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ (٢٦) وَإِنْ كَانَ قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ (٢٧) فَلَمَّا رَأَى قَمِيصَهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنْ كَيْدِكُنَّ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ (٢٨)“<sup>28</sup>

Maksudnya:

“Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyiksanya". Yusuf pula berkata: "Dia lah yang memujukku berkehendakkan diriku". (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: " "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar". Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: "Sesungguhnya ini adalah dari tipu daya kamu orang-orang perempuan; sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya”.

<sup>24</sup> Abd Karim Zaidan. Sistem Kehakiman Islam. 2014M. Hlm. 268-269.

<sup>25</sup> Sa'id Ibrahim. Qanun Jinayah Syar'iyah. 1996M. Hlm. 292.

<sup>26</sup> Abd Karim Zaidan. Sistem Kehakiman Islam. 2014M. Hlm. 291.

<sup>27</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 136.

<sup>28</sup> Al-Quran, Yusuf 12:25-28.

### ***Al-Khibrah* (keterangan pakar):**

Menurut Ahmad Fathi Bahansi, “yang dimaksudkan dengan keterangan pakar ialah pendapat yang diberi oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan”<sup>29</sup>. Menurut Paizah Ismail, beliau mengatakan bahawa, “dalam beberapa keadaan hakim memerlukan pandangan pakar bagi memberi nasihat dalam hal-hal tertentu untuk menghilangkan keraguan. Kebenaran untuk mendengar nasihat pakar ini terkandung dalam pengertian umum ayat”<sup>30</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

31“وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رَجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ”

Maksudnya:

“Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”.

### ***Ilm al-Qadhi* (pengetahuan hakim):**

Menurut Abd Karim Zaidan, beliau memisahkan pengetahuan hakim ini kepada dua keadaan. “Keadaan pertama, maklumat hakim yang diperoleh di Majlis Kehakiman. Apabila hakim telah mendapat maklumat tentang perkara-perkara dakwaan dan sebab sabitnya dakwaan di dalam Majlis Kehakiman, sepertimana jikalau yang kena dakwa mengakui (ikrar) dakwaan itu, atau dia enggan bersumpah setelah diarahkan oleh hakim kepadanya supaya bersumpah. Maka hakim akan membuat keputusan berdasarkan maklumatnya tentang hakikat dakwaan dan bukti-bukti sabit dakwaan itu. Adalah tidak perlu disyaratkan kepada hakim penyertaan dua orang saksi atau lebih dalam maklumat dan mendengarnya fakta-fakta dakwaan dan bukti-bukti sabitnya di Majlis Kehakiman. Keadaan kedua, maklumat yang diperolehnya di luar Majlis Kehakiman. Keadaan ini ialah hakim memperoleh maklumatnya itu di luar Majlis Kehakiman. Contohnya kalau hakim sendiri mendengar seorang lelaki menceraikan isterinya dengan talak tiga di luar Majlis Kehakiman”<sup>32</sup>.

### ***Al-Kitabah* (dokumen):**

Menurut Mahmud Saedon, “maksud catatan disini ialah tulisan atau catatan yang dibuat oleh seseorang sama ada pemerintah, hakim atau rakyat biasa. Catatan tersebut sama ada di atas kertas rasmi yang bermaterai ataupun tidak”<sup>33</sup>.

<sup>29</sup> Ahmad Fathi Bahansi. Nazariyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami. 1989M/1409H. Hlm. 205.

<sup>30</sup> Paizah Ismail. Kaedah Pembuktian dalam Kes Hudud. 2008M. Hlm. 40.

<sup>31</sup> Al-Quran, al-Nahl 16:43.

<sup>32</sup> Abd Karim Zaidan. Sistem Kehakiman Islam. 2014M. Hlm. 275-277.

<sup>33</sup> Mahmud Saedon A. Othman. Undang-undang Keterangan Islam. 1990M. Hlm. 159.



Menurut Ahmad Fathi Bahansi, “adapun dalam masalah jenayah menurut fiqh Islami, ia tidak melihat catatan sebagai medan yang besar kecuali pada bentuk ikrar melakukan kesalahan jenayah samaada memerlukan hukuman hudud, qisas atau takzir. Jika ia mengandungi ikrar atas kesalahan hudud dan mengiktiraf penulis catatan ikrarnya, maka ia sama seperti berikrar sekali lagi. Jika ia ingkar terhadap ikrarnya seperti orang yang mengingkari ikrarnya, atau mengubah fikirannya. Jika catatannya mengandungi ikrar jenayah bunuh yang mewajibkan qisas, dan ia mengakuinya, maka wajblah dikenakan qisas ke atasnya. Jika ingkar, maka ia bererti lauth yang menyebabkan wajib dikenakan qasamah. Jika catatan mengandungi ikrar yang mewajibkan takzir maka perkara itu terpulang kepada hakim. Jika ia berpuas hati dengan kandungannya maka penulisnya dikenakan takzir. Jika tidak, penulisnya tidak dikenakan takzir”<sup>34</sup>.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ يَبْتِغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا“<sup>35</sup>

Maksudnya:

“Dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian)”.

**1.0 Kaedah: “”**, **“Orang yang mendakwa mestilah <sup>36</sup>أُنكِرُ”** **mendatangkan keterangan manakala bagi yang didakwa mestilah besumpah”**.

### **3.1 Maksud Kaedah**

Menurut Ali Ahmad al-Nadwi, “kaedah ini adalah nas dari hadis Nabi, dan ia menjadi kaedah penting yang mana berdasarkannya ditentukan keputusan hukuman. Jika tiada kaedah ini menjadikan hakim sukar dan bermasalah untuk memberi hukuman seperti perselisihan, pergaduhan dan berlaku kezaliman antara manusia. Sepertimana yang diketahui antara perkara penting bagi seseorang hakim ialah mengetahui hakikat keadaan berhujah antara dua pihak yang bertelingkah”<sup>37</sup>.

Menurut Imam Malik Rahimahullah : ((hadis ini kaedah besar daripada kaedah hukum syarak, padanya menunjukkan tidak diterima perkataan seseorang manusia dengan tuntutan sebaik sahaja ia mendakwa, bahkan memerlukan kepada keterangan atau kebenaran orang yang dituduh. Apabila dituntut sumpah orang yang didakwa maka baginya sumpah tersebut. Telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. hikmat pada kewujudannya tidak menerima semata-mata dakwaannya, kerana jika diterima semata-mata dakwaannya sahaja akan mendakwa sesuatu kaum darah dan harta kaum lain. Tidak mungkin orang yang didakwa dapat memelihara harta dan darahnya. Adapun orang

<sup>34</sup> Ahmad Fathi Bahansi. Nazariyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami. 1989M/1409H. Hlm. 214.

<sup>35</sup> Al-Quran, al-Nur 24:33.

<sup>36</sup> Ahmad bin Muhammad al-Zarqa’. Syarah Qawaid Fiqhiyyah. 1989M/1409H. Hlm. 369.

<sup>37</sup> Ali Ahmad al-Nadwi. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Mafhumuhu, Nash’atuha, Tat’wuruha, Dirasatu Muallafatiha Adillatuha, Muhimmatuha, Tatbiqatiha. 1994M/1414H. Hlm. 400.

yang mendakwa bolehlah mendatangkan keterangan. Hikmah daripada hadis ini, pihak yang mendakwa adalah lemah, kerana mendakwa sesuatu menyalahi zahir. Ia perlu memberi hujah yang kuat bagi mengukuhkan dakwaan pihaknya yang lemah. Dan hujah yang kuat ialah keterangan atau bukti. Pihak yang didakwa adalah kuat kerana asalanya tiada dakwaan terhadapnya. ((cukuplah ia dengan hujah yang lemah iaitu bersumpah))<sup>38</sup>.

## Dalil Kaedah

Hadis Rasulullah s.a.w.:

”عن ابن عباس رضي الله عنهما : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : لو يعطى الناس بدعواهم لأدعى رجال أموال قوم ودماءهم ، لكن البينة على المدعى واليمين على من انكر“<sup>39</sup>

Maksudnya:

“Daripada Ibnu Abbas Radhiyallahu’anh, bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Jika semua dakwaan manusia itu diterima, maka orang-orang lelaki akan mendakwa dengan sewenang-wenangnya bahawa harta benda dan darah sesuatu kaum itu adalah miliknya, akan tetapi keterangan (al-bayyinah) terletak di bahu orang yang mendakwa dan sumpah (al-yamin) atas orang yang mengingkari dakwaan ke atasnya (orang yang kena dakwa)”<sup>40</sup>.

Menurut Mustafa al-Bugha, “seorang hakim Muslim itu adalah diperintah agar memberi keputusan kehakimannya apabila wujud hujah yang membuktikan kebenarannya tidak kira orang yang mendakwa atau orang yang kena dakwa. Jika pendakwa mendatangkan hujah itu, maka dia berhak memperolehi apa yang didakwanya berdasarkan keterangan tersebut. Ini adalah sebagaimana sumpah itu adalah hujah pihak yang kena dakwa; jika ia bersumpah, maka ia bebas dari dakwaan ke atasnya. Oleh yang demikian, al-bayyinah (keterangan) adalah satu hujah yang kuat kerana ianya adalah perkataan orang yang tidak ada kaitan langsung dengan pertelingkahan itu. Jadi, al-bayyinah diletakkan di pihak orang yang mendakwa. Adapun sumpah (yamin) pula, kekuatan hujahnya adalah kurang dari al-bayyinah, justeru ianya adalah perkataan salah seorang yang ada kaitan dengan pertelingkahan tersebut. Manakala orang yang kena dakwa tidak mendakwa sesuatu perkara yang tersembunyi, adapun sesungguhnya dia berpegang kepada asal sesuatu perkara dan penerusan keadaannya. Maka sesuailah baginya hujah yang lebih lemah iaitu sumpah, lalu diletakkan di pihaknya”<sup>41</sup>.

## CONTOH KES KLASIK DAN KONTEMPORARI

### Contoh Kes Klasik

#### i) Kes Hilal Bin Umaiya

<sup>38</sup> Ali Ahmad al-Nadwi. Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Mafhumuhu, Nash’atuhu, Tat’wuruha, Dirasatu Mu’allafatiha Adillatuha, Muhimmatuha, Tatbiqatiha. 1994M/1414H. Hlm. 400.

<sup>39</sup> Muslim bin Hajaj al-Qusyairi. Sahih Muslim. Kitab al-Aqdiyah. Bab yamin ala mudda’a alaiha. No. 1711. Hlm. 862

<sup>40</sup> Mustafa al-Bugha. Al-Wafi Syarah Hadith 40 Imam Nawawi. 2014M. Hlm. 451.

<sup>41</sup> Mustafa al-Bugha. Al-Wafi Syarah Hadith 40 Imam Nawawi. 2014M. Hlm. 456-457.

” عن ابن عباس: أن هلال بن أمية قذف امرأته عند النبي صلى الله عليه و سلم بشريك بن سحماء فقال النبي صلى الله عليه و سلم ” البينة أو حد في ظهرك ” فقال يارسول الله إذا رأى أحدنا رجلا على امرأته يلتمس البينة ؟ فجعل النبي صلى الله عليه و سلم يقول ” البينة وإلا فحد في ظهرك ” فقال هلال والذي بعثك بالحق [ نبيا ] إني لصادق ولينزلن الله في أمري ما يبريء به ظهري من الحد فنزلت { والذين يرمون أزواجهم ولم يكن لهم شهود إلا أنفسهم { فقرأ حتى بلغ { من الصادقين } فانصرف النبي صلى الله عليه و سلم فأرسل إليهما فجاء هلال بن أمية فشهد والنبي صلى الله عليه و سلم يقول ” [ إن ] الله يعلم أن أحدكما كاذب فهل منكما من تائب ؟ ” ثم قامت فشهدت فلما كان عند الخامسة { أن غضب الله عليها إن كان من الصادقين } وقالوا لها إنها موجبة قال ابن عباس فتلكأت ونكصت حتى ظننا أنها سترجع فقالت لا أفضح قومي سائر اليوم فمضت فقال النبي صلى الله عليه و سلم ” أبصروها فإن جاءت به أكحل العينين سابغ الأليتين ( أي تامها وعظيمها ) خدلج الساقين ( الخدلج عظيم الساقين ) فهو لشريك بن سحماء ” فجاءت به كذلك فقال النبي صلى الله عليه و سلم ” لولا ما مضى من كتاب الله لكان لي ولها شأن.<sup>42</sup>“

Maksudnya:

“Lihatlah nanti ciri-ciri anak yang dilahirkan, seandainya anak tersebut memiliki anak mata yang hitam, berpaha besar dan betis yang berisi, maka sifat-sifat ini lebih mirip kepada lelaki yang dituduh berzina dengan isteri Hilal, iaitu Suraik bin Sahma”.

Kes Hilal Bin Umayyah merupakan kes li'an pertama dalam perundangan Islam yang boleh diistimbahkan dalam memperakui keterangan pakar. Kes ini adalah berkaitan dengan penafian Hilal terhadap anak yang dikandung oleh isteri beliau terhasil daripada gabungan benih beliau yang sah. Sekiranya terbukti dakwaan tersebut, perkahwinan mereka akan terubuh secara automatik. Dalam memutuskan dakwaan Hilal tersebut, Rasulullah S.A.W. telah bersabda. Sabda Rasulullah S.A.W. tersebut merupakan prinsip Qiyafah (iaitu penentuan nasab berdasarkan persamaan atau iras di antara seorang dengan seorang yang lain) yang mempunyai keselarian dan padanan dengan metodologi ujian DNA yang boleh menentusahkan sesuatu sampel DNA adalah dari sumber yang sama berdasarkan padanan ciri-ciri DNA yang sama antara sampel DNA dan sumber DNA. Setelah isteri Hilal melahirkan anak, bayi tersebut didapati mempunyai sifat-sifat menyerupai Suraik bin Sahma, lelaki yang dituduh berzina dengan isteri Hilal. Maka Rasulullah S.A.W. telah mensabitkan li'an<sup>43</sup>.

ii) Kes Maiz Bin Malik

”عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : جَاءَ مَا عَزَّ الْأَسْلَمِيُّ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : إِنَّهُ قَدْ زَنَى ، فَأَعْرَضَ عَنْهُ ، ثُمَّ جَاءَ مِنْ شِقِّهِ الْآخَرَ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّهُ قَدْ زَنَى ، فَأَعْرَضَ عَنْهُ ، ثُمَّ جَاءَ مِنْ شِقِّهِ الْآخَرَ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّهُ قَدْ زَنَى ، فَأَمَرَ بِهِ فِي الرَّابِعَةِ ، فَأُخْرِجَ إِلَى الْحَرَّةِ فَرَجِمَ بِالْحِجَارَةِ ، فَلَمَّا وَجَدَ مَسَّ الْحِجَارَةَ قَرَّ يَشْتَدُّ ، حَتَّى مَرَّ بِرَجُلٍ مَعَهُ لَحْيٌ جَمَلٍ فَضَرَبَهُ بِهِ ، وَضَرَبَهُ النَّاسُ حَتَّى مَاتَ

<sup>42</sup> Abi Daud Sulaiman al-Sajistani. Sunan Abi Daud. Kitab Talak. Bab fi Lian. No. 2254. Jil. Ke-3.Hlm. 567.

<sup>43</sup> <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1631>. Blog rasmi jabatan peguam negara. Keterangan Pakar dalam Kes Jenayah Syariah. 26/11/2015, 6.30 PM

، فَذَكَرُوا ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ فَرَّ حِينَ وَجَدَ مَسَّ الْحِجَارَةَ وَمَسَّ الْمَوْتِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : هَلَا تَرَكْتُمُوهُ<sup>44</sup> .

Maksudnya:

“Pada suatu hari seorang lelaki bernama Maiz menghadap Rasulullah s.a.w. dan mengaku telah melakukan zina. Rasulullah s.a.w. mengarahkan sahabatnya menghidu bau mulut Maiz untuk memastikan sama ada dia mabuk atau tidak. Selepas itu Rasulullah s.a.w. bertanya kepada Maiz sama ada dia benar-benar melakukan atau bermimpi. Maiz menyatakan bahawa dia memang telah melakukan zina. Dia mendesak supaya Rasulullah menjatuhkan hukuman ke atasnya. Walaupun Maiz membuat pengakuan Rasulullah s.a.w. mencuba berbagai-bagai helah supaya Maiz menarik balik pengakuannya. Akhirnya Baginda menjatuhkan hukuman rejam dengan batu ke atas Maiz<sup>45</sup> .

iii)

”عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَاثِلِ الْكِنْدِيِّ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّ امْرَأَةً خَرَجَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تُرِيدُ الصَّلَاةَ ، فَتَلَقَّاهَا رَجُلٌ فَتَجَلَّلَهَا ، فَقَضَى حَاجَتَهُ مِنْهَا ، فَصَاحَتْ ، فَأَنْطَلَقَ ، وَمَرَّ عَلَيْهَا رَجُلٌ ، فَقَالَتْ : إِنَّ ذَاكَ الرَّجُلَ فَعَلَ بِي كَذَا وَكَذَا ، وَمَرَّتْ بِعِصَابَةٍ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ ، فَقَالَتْ : إِنَّ ذَاكَ الرَّجُلَ فَعَلَ بِي كَذَا وَكَذَا ، فَأَنْطَلَقُوا ، فَأَخَذُوا الرَّجُلَ الَّذِي ظَنَنْتُ أَنَّهُ وَقَعَ عَلَيْهَا وَأَتَوْهَا ، فَقَالَتْ : نَعَمْ هُوَ هَذَا ، فَأَتَوْا بِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَلَمَّا أَمَرَ بِهِ لِيُزَجَّمَ قَامَ صَاحِبُهَا الَّذِي وَقَعَ عَلَيْهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَنَا صَاحِبُهَا ، فَقَالَ لَهَا : أَذْهَبِي فَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ ، وَقَالَ لِلرَّجُلِ قَوْلًا حَسَنًا ، وَقَالَ لِلرَّجُلِ الَّذِي وَقَعَ عَلَيْهَا : ارْجُمُوهُ ، وَقَالَ : لَقَدْ تَابَ تَوْبَةً لَوْ تَابَهَا أَهْلُ الْمَدِينَةِ لُقِبَ مِنْهُمْ<sup>46</sup>“

Maksudnya:

“Pada suatu pagi, semasa dalam perjalanan ke masjid seorang perempuan telah ditahan seorang lelaki yang memaksanya melakukan persetubuhan. Perempuan itu menjerit dan lelaki itu melarikan diri. Kemudian, seorang lelaki lain datang kepadanya, dan perempuan itu memberitahu yang lelaki tadi telah memaksanya melakukan persetubuhan. Kemudian, perempuan itu didatangi pula oleh sekumpulan Muhajirin dan dia memberitahu mereka yang seorang lelaki datang kepadanya dan memaksanya melakukan persetubuhan kemudian melarikan diri. Mereka menangkap lelaki yang kedua kerana menyangka lelaki itulah yang dimaksudkan oleh perempuan itu. Mereka membawanya menemui perempuan itu dan perempuan itu dan perempuan itu telah mengesahkannya. Lelaki itu kemudiannya dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. lalu memerintahkan supaya dia direjam. Lelaki yang melakukan persetubuhan dengan wanita itu bangun dan berkata, “Wahai Rasulullah s.a.w., sayalah orang yang melakukan persetubuhan dengan wanita ini.” Rasulullah memerintah

<sup>44</sup> Muhammad bin Isa al-Tirmizi. Jami' al-Kabir. Kitab Hudud. Bab ma ja'a fi dar' l haddi an mu'tarif iza raja'a. No. 1428. Jil. Ke-3. Hlm. 98.

<sup>45</sup> Yazid Maarof & Mohamad Kamil Ab Majid. Panduan Fiqh Jinayat. 2015M. Hlm. 106.

<sup>46</sup> Muhammad bin Isa al-Tirmizi. Jami' al-Kabir. Kitab Hudud. Bab ma ja'a an la tuk'tho'e aidiy fi ghazwi. No. 1454. Jil. Ke-3. Hlm. 122.

wanita itu supaya pergi memohon maaf kepada lelaki yang dituduh itu dan seterusnya memerintahkan hukuman rejam ke atas lelaki itu”<sup>47</sup>.

iv) “Seorang lelaki yang belum berkahwin datang menemui Rasulullah s.a.w. dan mengaku melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan. Setelah mendengar pengakuannya Rasulullah s.a.w. menyuruh Sahl pergi bertanya kepada perempuan itu. Perempuan itu menafikan tuduhan yang dibuat ke atasnya. Rasulullah s.a.w. seterusnya memerintahkan supaya lelaki itu disebat dan perempuan itu dibebaskan”<sup>48</sup>.

v) Kes di Zaman Sahabat

”روى في الموطأ عن صفية بنت أبي عبيد قالت : أتى أبو بكر رضى الله عنه برجل وقع على جارية بكر فأحبها ، ثم اعترف على نفسه بالزنى ولم يكن أحسن . فأمر أبو بكر فجلد الحد.”<sup>49</sup>

Maksudnya:

“Seorang lelaki bujang telah berzina dengan pekerja wanitanya. Dia datang menemui Saidina Abu Bakar r.a dan membuat pengakuan atas perbuatannya itu.”Khalifah memerintahkan supaya dia disebat”<sup>50</sup>.

## CONTOH KES KONTEMPORARI

i) Kes Pendakwa Syarie Negeri Sabah Lwn Rosli Bin Abdul Japar

Dalam kes ini, tertuduh didakwa di bawah seksyen 80(1) Enakmen kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 iaitu kesalahan melakukan persetubuhan haram yang membawa hukuman penjara 3 tahun atau denda 5 ribu ringgit atau 6 kali sebatan atau kedua-duanya sekali jika disabitkan dengan kesalahan tersebut. Dalam kes ini, Hakim telah mensabitkan kesalahan melakukan persetubuhan haram ke atas tertuduh sehingga melahirkan anak luar nikah. Keputusan dibuat berdasarkan keterangan pakar dan pembuktian secara saintifik melalui laporan ujian DNA ke atas ketiga-tiga penyumbang spesimen darah. Dalam kes ini, ujian DNA ini telah dijalankan oleh pakar DNA dari Jabatan Kimia Malaysia. Mahkamah juga telah menerima hujah Pendakwa Syarie bahawa wujudnya Qarinah yang kuat mengaitkan kesalahan tertuduh (sehingga melahirkan anak luar nikah) yang telah berjaya dibuktikan melalui kaedah saintifik. Pihak pembelaan dalam kes ini menghujahkan keterangan pakar DNA tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan peruntukan seksyen 86(1), Enakmen Keterangan Mahkamah Negeri Sabah 1992 yang memperuntukkan:

Keterangan kes zina yang membawa hukuman Hudud tidak boleh diterima kecuali ia disaksikan oleh 4 orang lelaki”.

<sup>47</sup> Sayed Sikandar Shah Haneef. Undang-undang Keterangan Islam. 2003M. Hlm. 10.

<sup>48</sup> Sayed Sikandar Shah Haneef. Undang-undang Keterangan Islam. 2003M. Hlm. 11.

<sup>49</sup> Ahmad Fathi Bahansi. Nazariyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina’i al-Islami. 1989M/1409H. Hlm.

<sup>50</sup> Sayed Sikandar Shah Haneef. Undang-undang Keterangan Islam. 2003M. Hlm. 12.

Walau bagaimanapun, Hakim bicara memutuskan beban pembuktian dalam seksyen 86(1) tidak terpakai dalam kes yang sedang dibicarakan. Ini berikutan sekiranya kesalahan disabitkan ke atas tertuduh, hukuman yang boleh dikenakan bukanlah hukuman Hudud tetapi hanyalah hukuman ta'zir. Oleh itu, Pendakwa Syarie tidak terikat untuk membawa 4 orang saksi lelaki. Hakim bicara selanjutnya menyatakan:

Seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 telah memberi laluan yang lebih luas kepada Pendakwa Syarie untuk menggunakan cara pembuktian lain yang lebih sesuai bagi membuktikan wujudnya kesalahan zina agar hukuman ta'zir dapat diputuskan ke atas diri tertuduh.”

Dalam kes ini, bukti melalui keterangan pakar secara saintifik iaitu melalui ujian DNA adalah cara yang paling sesuai untuk membuktikan kesalahan persetubuhan haram yang dilakukan tertuduh”<sup>51</sup>.

ii) Kes Amina Lawal v. The State (2002)

Amina Lawal iaitu seorang wanita yang bercerai dalam lingkungan umur 30-an berasal dari latar belakang yang miskin, didakwa dengan kesalahan zina kerana mempunyai seorang anak di luar pernikahan yang sah. Beliau telah dibicarakan oleh Mahkamah Syariah yang lebih rendah di Bakori, Negeri Katsina, dan pada 22 Mac 2002, dan hakim telah menjatuhkan hukuman mati dengan rejam kepada beliau. Amina Lawal disabitkan menerusi kehamilannya dan pengakuan beliau telah dianggap keterangan yang mencukupi untuk mensabitkan kesalahannya. Yahaya Abubakar, lelaki yang didakwa bapa kepada bayi yang dikandung, telah menafikan apa-apa penglibatan beliau dan telah dilepaskan kerana kekurangan bukti. Amina Lawal tidak diwakili peguam semasa perbicaraan itu dan tidak dimaklumkan mengenai hak untuk mengambil khidmat seorang peguam; dan dia pula tidak sedar akan kesan dan akibat pengakuan salahnya itu. Kes ini telah mendapat perhatian meluas dan mendapat publisiti sehingga ke luar negara. Beberapa peguam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah campur tangan bagi pihak beliau dan membantu membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah di Funtua. Kemuncak kes, Mahkamah Rayuan Negeri membatalkan hukuman rejam sampai mati keatas Amina Lawal dan atas alasan bahawa dia berhak untuk menarik balik pengakuannya”<sup>52</sup>.

iii) Kes Saffiyatu Hussein v. The State (2001)

Saffiyatu Hussein, seorang janda, berusia dalam lingkungan 30-an dan berasal dari latar belakang keluarga yang miskin. Beliau telah didapati bersalah atas kesalahan berzina dan dihukum mati dengan rejam oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Gwadabawa, di Sokoto, pada 9 Oktober 2001. Beliau tidak diwakili peguam semasa perbicaraan. Yakubu Abubakar, lelaki dengan yang dikatakan telah melakukan zina dengannya, menafikan sekeras-kerasnya telah melakukan perbuatan terkutuk itu. Oleh yang demikian, Mahkamah telah membebaskannya kerana ketiadaan bukti lain mahupun saksi. Safiyatu Hussein telah disabitkan bersalah kerana telah hamil di luar

---

<sup>51</sup> <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1631>. Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara. Keterangan Pakar dalam Kes Jenayah Syariah. 26/11/2015, 6.30 PM.

<sup>52</sup> Norazlina Mohamed Azmi & Siti Zubaidah Ismail. Hukuman Rejam, Zina dan Kontroversinya: Realiti antara Aspirasi dan Realiti di Nigeria. 2014. Hlm. 368-370.

nikah. Kehamilan beliau itu telah dikira sebagai bukti zina, tabahan pula dengan pengakuan salah yang telah dilafazkannya. Pengakuan yang dibuat oleh Saffiyatu Hussein ini telah diterima kerana dibuat bukan dengan paksaan, namun beliau jahil tentang perundangan Islam serta tidak mengetahui hak sebagai tertuduh dimana beliau boleh menarik balik pengakuan, jika mahu. Kemudian bapa Saffiyatu Hussein memohon rayuan untuk membatalkan hukuman rejam ke atas anaknya, beliau merasakan tidak ada keadilan dalam penghakiman ini. Lalu rayuannya diterima dan dibawa ke Mahkamah Rayuan Syariah. Setelah mendapat nasihat daripada pihak peguam, Saffiyatu Hussein memutuskan untuk menarik balik pengakuannya. Mahkamah menolak cadangan ujian DNA dijalankan sekalipun untuk membuktikan Abubakar Yakubu adalah bapa kepada anak Saffiyatu Hussein, atas alasan bahawa tidak ada rujukan kepada ujian itu dalam Syariah. Kemuncak kes, pada 25 Mac 2002, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri yang terdiri daripada empat hakim, membatalkan hukuman rejam sampai mati atas alasan bahawa undang-undang Syariah di mana beliau telah dihukum tidak lagi berkuatkuasa pada masa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan<sup>53</sup>.

## KESIMPULAN

Konsep keadilan dalam perundangan Islam adalah bertepatan dengan kaedah “al-Bayyinah ala al-Muddai wa al-Yamin ala Man Ankara”. Di mana seseorang tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mendakwa tentang sesuatu perkara tanpa mendatangkan sebarang bukti mahupun keterangan. Setiap dakwaan yang dilakukakan hendaklah berasas dan mempunyai bukti dan hujah yang kukuh. Kerana sekiranya setiap dakwaan yang dilakukan diterima maka dikhuatiri berlakunya unsur penindasan sesama manusia. Begitu juga dengan tertuduh yang didakwa yang mempunyai hak untuk bersumpah bagi membela diri dan haknya.

Al-bayyinah (keterangan) itu sendiri merangkumi kesaksian (syahadah), pengakuan (iqrar), bahan bukti (qarinah), keterangan pakar (al-khibrah), pengetahuan hakim, dokumen (al-kitabah) dan sumpah (al-yamin) dan al-yamin (sumpah). Manakala sumpah berperanan untuk menolak atau menerima dakwaan atau untuk meyakinkan kebenaran. Lebih utama ialah penjelasan tentang yang mana kaedah ini merupakan satu kaedah yang penting dalam kehakiman dan menentukan keputusan hukuman. Sekiranya tiada garis panduan ataupun kaedah yang seumpamanya nescaya berlakunya kesukaran untuk melaksanakan keadilan dalam hukuman yang dituntut oleh Islam.

## RUJUKAN

- Abi Daud Sulaiman al-Sajistani. 2009M/1430H. *Sunan Abi Daud*. Jil. Ke-3. Beirut: Dar al-Risalah al-Alimiyyah.
- Abi Daud Sulaiman al-Sajistani. 2009M/1430H. *Sunan Abi Daud*. Jil. Ke-5. Beirut: Dar al-Risalah al-Alimiyyah.
- Abi Hassan Muslim b. Hajaj b. Muslim al-Qusyairi. 204M/261H. *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar Alafk Al-Arabiyyah.
- Abu al-Qasim al-Hassan b. Muhammad al-Raghib al-Asfahaniy. t.th. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Jilid 1. Edisi pertama. 2.
- Ahmad Fathi Bahanasi. 1409H/1983M. *Nazariyat al-Ithbat Fi al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. Ed.

---

<sup>53</sup> Norazlina Mohamed Azmi & Siti Zubaidah Ismail. Hukuman Rejam, Zina dan Kontroversinya: Realiti antara Aspirasi dan Realiti di Nigeria. 2014. Hlm. 370-371.

- ke-5.Kaherah: Darul al-Syuruk.
- Ahmad bin Muhammad al-Zarqa'. 1989M/1409H. *Syarah Qawaid Fiqhiyyah*. Ed. Ke-2. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ali Ahmad al-Nadwi. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Mafhumuhu, Nash'atuhu, Tat'wuruha, Dirasatu Muallafatiha Adillatuhu, Muhimmatuha, Tatbiqatiha*. 1994M/1414H. Ed. Ke-3. Beirut: Darul Qalam.
- Ahmad b. Muhammad b. Ali al-Fayyumi al-Muqri. 770H/1987M. *Misbah al-Munir* Kamus Arab-Arab. Edisi pertama. Beirut: Lubnan. Maktabah Lubnan.
- Abd Karim Zaidan. 2014M. *Sistem Kehakiman Islam*. Mohd Saleh b. Hj Ahmad. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Haji Sa'id b. Haji Ibrahim. 1996M. *Qanun Jinayah Syar'iyah*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. 1428H. *Turuq al-Hukmiyah fi Siasah Syariyyah*. Ed. Pertama. t.th. Dar Alim al-Fawaid.
- Mahmud Saedon A. Othman. *Undang-undang Keterangan Islam*. 1990M. Ed. Pertama. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad bin Isa al-Tirmizi. 1996M. *Jami' al-Kabir*. Ed. Pertama. Jil. Ke-3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji. 2010M. *Fiqh Manhaji Kitab Fiqh Mazhab Syafie*. Ridzuan b. Hashim, Juanda b. Jaya, Azizi b. Ismail, Mohd Asri b. Hashim & Salehan b. Ayub. Jilid 8. Kuala Lumpur: Pustaka Salam SDN BHD.
- Norazlina Mohamed Azmi & Siti Zubaidah Ismail. 2014M. *Hukuman Rejam, Zina dan Kontroversinya: Realiti antara Aspirasi dan Realiti di Nigeria*. Jurnal Syariah, Jil 22, Bil 3 (2014) 357-378.
- Mustafa al-Bugha. 2014M. *Al-Wafi Syarah Hadith 40 Imam Nawawi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Paizah Haji Ismail. 2008. *Kaedah Pembuktian Dalam Kes Hudud*. Jurnal Fiqh: (No. 5 (2008)). 46.
- Sayed Sikandar Shah Haneef. *Undang-undang Keterangan Islam*. 2003M. Ed. Pertama. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNMB), Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd (UP&D), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), (UITM).
- Yazid Maarof & Mohamad Kamil Ab Majid. *Panduan Fiqh Jinayat*. 2015M. Ed. Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1631>. Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara. *Keterangan Pakar dalam Kes Jenayah Syariah*. Unit Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam Seksyen Syariah, Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara. 26/11/2015, 6.30 PM.